

13/06/1997

TMT'97 tarik 1.8 juta pelancong

Azhar Abu Samah

KUALA TERENGGANU, Khamis - Program Tahun Melawat Terengganu 1997 (TMT'97) berjaya mencapai matlamatnya dan memenuhi sasaran menarik kedatangan 1.8 juta pelancong ke negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata walaupun pada awal pelancarannya sejak Januari lalu mencatatkan jumlah kemasukan pelancong yang perlahan, namun tempoh April hingga Mei lalu menyaksikan ketibaan pelancong yang meningkat dengan mendadak.

"Kita difahamkan bagi tempoh April hingga Mei lalu, pesawat untuk membawa pelancong ke Terengganu tidak mencukupi," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian, di sini baru-baru ini.

Program TMT'97 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu, awal tahun ini.

Wan Mokhtar berkata, program pelancongan yang bersifat `permulaan' ini berjaya memperkenalkan Terengganu kepada pelancong asing sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana ada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan jualan masing-masing, termasuk keropok lekor dan sotong kering kepada pelancong.

"Saya diberitahu oleh beberapa rakan, harga keropok lekor dan sotong kering untuk dibawa balik sebagai buah tangan naik harga berbanding sebelum ini," katanya.

Sambil menegaskan perkara itu tidak seharusnya berlaku bagi mengelakkan peniaga Terengganu dilabel seperti di Langkawi yang suka mengambil keuntungan jangka pendek, beliau mahu keadaan itu diperbetulkan segera.

"Kita tidak seharusnya menggunakan kesempatan ini mendapatkan keuntungan segera, sebaliknya harus mengambil peluang mempromosi Terengganu sebagai destinasi yang menawarkan perkhidmatan yang baik, persekitaran yang bersih dan harga barangan yang berpatutan," katanya.

Wan Mokhtar berkata, bagi faedah jangka panjang, kerajaan negeri berhasrat menjadikan industri pelancongan sebagai sektor mendatangkan pendapatan utama kepada negeri ini.

Menurutnya, Terengganu mempunyai kelebihan berbanding negeri lain di negara ini kerana ia memiliki pantai terpanjang, pulau terbanyak dan tasik tercantik, selain jarak di antara semua tempat ini hanya mengambil masa kira-kira dua jam perjalanan.

(END)